

16 NOV 2001

KEPUTUSAN PERMOHONAN PBS DIKETAHUI MENJELANG AIDIL FITRI

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Keputusan permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menyertai semula Barisan Nasional (BN) besar kemungkinan diketahui sebelum Hari Raya Puasa ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata BN akan mengadakan mesyuaratnya pada bulan puasa ini bagi membincangkan permohonan itu.

Dr Mahathir, yang juga Pengerus BN berkata demikian apabila ditanya pemberita selepas merasmikan persidangan mengenai keganasan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

PBS yang meninggalkan BN menjelang pilihan raya umum 1990, telah mengemukakan permohonan berkenaan kepada Dr Mahathir di pejabat beliau di Putrajaya semalam.

-- BERNAMA

DC HS SP NMO